

Seni Bina Tamadun Rom

Colosseum

- Berfungsi sebagai tempat mengadakan persembahan dan pertandingan bersaiz besar seperti acara gladiator.
- Binaan ini dimulakan oleh Raja Vespian pada tahun 72 Masihi dan siap pada tahun 80 Masihi semasa pemerintahan anaknya, Titus.
- Struktur binaan Colosseum:
 - Tinggi mencapai 50 meter panjang, lebar 156 meter dan luas keseluruhan bangunan 2.5 hektar.
 - Luas kawasan arena ialah 85 meter x 54 meter yang mampu memuatkan kira-kira 50 000 orang.
 - Terdapat 80 pintu masuk dan tempat duduk penonton dibina bertingkat-tingkat.



Pantheon

- Binaan kubah terbesar di dunia berfungsi sebagai tempat penyembahan dewa dan dewi masyarakat Rom.
- Dibina pada tahun 27 SM oleh Marcus Vipsanius Agrippa, namun musnah terbakar pada tahun 80 Masihi.
- Maharaja Hadrian membina semula pada tahun 125 Masihi.
- Ciri-ciri Pantheon:
 - Kubah besar bersaiz diameter 43 meter.
 - Dipengaruhi seni bina Yunani, iaitu di bahagian hadapan mempunyai tiang yang kukuh.
 - Dinding dibina daripada batu-bata yang dilepa dengan simen. Simen diperbuat daripada campuran air, kapur, dan abu gunung berapi yang dikenali sebagai Pozzolana.
 - Puncaknya mempunyai ruang terbuka yang dikenali sebagai Oculus berukuran 13 meter lebar bagi membolehkan cahaya masuk menyinari ruang dalam Pantheon.



Amfiteater

- Merupakan Colosseum mini atau gelanggang terbuka yang digunakan untuk membuat persembahan seni dan acara gladiator.
- Kewujudan Amfiteater membuktikan cara hidup masyarakat Rom yang meminati aktiviti di luar rumah.
- Terdapat kira-kira 230 Amfiteater dalam tamadun Rom.
- Amfiteater terkenal ialah amfiteater di El Djem, Tunisia yang boleh memuatkan 16,000 orang serta di Arles, Perancis yang boleh memuatkan 20 000 orang.
- Ciri-ciri Amfiteater:
 - Berbentuk lingkaran.
 - Mempunyai pelbagai saiz dan kapasiti penonton.



Akueduk

- Akueduk berfungsi membekalkan air ke tempat mandi awam, rumah kediaman di sekitar bandar dalam empayar Rom dan binaan utama seperti Colosseum semasa diadakan acara gladiator.
- Akueduk dibina berdasarkan kajian mendalam terhadap mutu sumber air yang ada, aliran air dan lokasi.
- Perkembangan Akueduk:
 - Akueduk pertama dibina pada tahun 312 SM di Aqua Appia sepanjang 16 kilometer.
 - Marcus Visanius Agrippa merupakan antara jurutera yang bertanggungjawab membina akueduk seperti Aqua Virgo yang dibina pada tahun 19 SM.
 - Akueduk terkenal ialah Pont du Gard di Perancis yang mempunyai tiga tingkat.



Tembok Pertahanan

- Berfungsi melindungi tamadun Rom daripada serangan musuh.
- Menjadi sempadan atau pemisah antara kawasan Rom dan kawasan bukan Rom.
- Perkembangan tembok pertahanan:
 - Bermula pada tahun 100 Masihi.
 - Menggunakan batu yang disusun memanjang.
 - Mencapai ketinggian sehingga lima meter.
 - Terdapat kubu kecil dalam jarak sebatu (1.6 kilometer) setiap satu yang dikenali sebagai milecastel untuk menempatkan tentera yang mengawal tembok tersebut.
 - Tembok terkenal ialah Tembok Hadrian yang dibina oleh Maharaja Hadrian pada tahun 122 Masihi sepanjang 117 meter dan tinggi lima meter.

Jalan Raya Rom

- Jalan raya di Rom mula dibina pada tahun 500 SM bertujuan untuk:
 - Menghubungkan bandar-bandar utama.
 - Memudahkan pergerakan tentera.
 - Menjadi sistem pangangkutan utama.
- Ciri-ciri jalan raya Rom:
 - Dibina secara berlapis-lapis.
 - Menggunakan batu besar, batu kecil dan batu kerikil.
 - Tahan dan kuat untuk menahan beban dan pergerakan pasukan tentera.
 - Luasnya kira-kira empat kaki (1.3 meter) tebal dan 20 kaki (6.7 meter) lebar.
 - Terdapat batu tanda bagi menunjukkan jarak satu kawasan dengan kawasan lain.
 - Di tepi jalan raya, terdapat longkang untuk mengalirkan air supaya tidak bertakung di atas jalan raya.

Tembok Pertahanan

- Orang Rom percaya mandi melambangkan kehidupan bertamadun dan penting untuk menjaga kebersihan dan kesihatan.
- Tempat mandi awam yang terkenal ialah Caracalla yang dibina oleh Maharaja Caracalla pada abad ke-3 Masihi dan boleh memuatkan sehingga 1500 orang.
- Ciri-ciri tempat mandi awam:
 - Dikenakan bayaran tertentu.
 - Boleh digunakan oleh semua orang.
 - Dilengkapi tandas, ruang mandi, ruang mengurut, perpustakaan bilik berehat, dan bilik bersenam.
 - Ruang mandi terbahagi kepada mandi air panas, mandi air sejuk, mandi suam dan mandi wap.